

## SOALAN-SOALAN LAZIM

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu NLMS?	NLMS ialah National Labour Management System iaitu sistem yang membolehkan orang ramai dan agensi-agensi pekerjaan yang berdaftar di Jabatan Buruh membuat permohonan seperti Lesen Pekerja Asing (LPA) dan Lesen Perkhidmatan Domestik (LPD) secara dalam talian.
2.	Bagaimanakah saya boleh menggunakan sistem ini?	Melayari laman sesawang nlms.gov.bn dan awda hendaklah terlebih dahulu membuat pendaftaran ke dalam NLMS bagi mendapatkan akaun NLMS.
3.	Bagaimanakah saya untuk mendapatkan akaun NLMS?	Awda bolehlah membuat pendaftaran di muka utama laman sesawang nlms.gov.bn dengan menekan ikon 'pelanggan' seterusnya ikon 'Daftar Akaun Baru'.
4.	Siapakah yang diperlukan mendaftar akaun NLMS?	Para majikan iaitu pemilik Lesen Pekerja Asing (LPA), Lesen Perkhidmatan Domestik (LPD) dan Agensi-Agenzi Pekerjaan yang berdaftar di Jabatan Buruh. Pendaftaran hendaklah dibuat sendiri oleh pemilik lesen berkenaan.
5.	Bagaimana saya mengetahui jika pendaftaran saya telah diluluskan?	Awda akan menerima pautan ( <i>link</i> ) mengenai permohonan pendaftaran awda dan pengaktifan akaun melalui e-mel. Awda juga akan dihubungi oleh pihak Jabatan Buruh bagi pengesahan pendaftaran sebelum pengaktifan akaun. Awda adalah dikehendaki mengemaskini maklumat lesen awda sebelum dapat menggunakan NLMS.
6.	Apakah dokumen-dokumen yang perlu disediakan?	Dokumen yang perlu awda sediakan :  <b>Bagi Pendaftaran:</b> a) Salinan Kad Pengenalan b) Gambar <i>Selfie</i> bersama Kad Pengenalan  <b>Bagi Pengemaskinian Maklumat Lesen:</b> a) Salinan Lesen Pekerja Asing (LPA) b) Salinan RoCBN c) Salinan Lesen Perkhidmatan Domestik (LPD) d) Salinan resit <i>deposit</i> Lesen
7.	Bagaimana jika saya terlupa kata laluan akaun saya?	Awda boleh mendapatkan kata laluan baru dengan menekan 'Lupa kata-laluan', kemudian awda akan menerima kata laluan baru melalui e-mel. Jika awda ingin mengemaskini kata laluan awda, sila log masuk dan seterusnya tekan 'tukar kata laluan pada ikon log masuk awda yang terpapar sebelah atas, kanan akaun awda.
8.	Bagaimana jika saya selaku pemegang Kad Urusan ingin membuat permohonan secara dalam talian?	Pemilik Syarikat perlu mendaftarkan pemengang Kad Urusan dilantik bagi syarikatnya sebelum pemegang Kad Urusan tersebut boleh membuat sebarang permohonan.
9.	Adakah Syarikat Agensi Pekerjaan perlu membuat pendaftaran?	Agensi Pekerjaan yang berdaftar di Jabatan Buruh akan didaftarkan oleh Jabatan Buruh ke dalam sistem NLMS. Pemilik Agensi Pekerjaan perlu mengaktifkan akaun melalui pautan ( <i>link</i> ) yang diberikan melalui e-mel.
10.	Bagaimana pula dengan pemegang Kad Wakil?	Agensi Pekerjaan hendaklah mendaftarkan pemegang Kad Wakil Agensi Pekerjaan berkenaan sebelum dapat membuat sebarang permohonan.